

Lulusan NUS, NTU boleh cari kerja di Britain bawah skim visa baru

SISWAZAH Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang baru menerima ijazah mereka kini boleh ke Britain untuk mencari pekerjaan di bawah visa baru yang direka khusus untuk memberi perniagaan di negara itu akses kepada lulusan dari universiti terkemuka dunia.

Menurut Suruhanjaya Tinggi British di Singapura, visa Individu Berpotensi Tinggi (HPI) United Kingdom (UK), yang dibuka kepada pemohon mulai semalam diperkenalkan sebagai sebahagian daripada strategi kerajaan pasca-Brexit yang lebih luas untuk menjadikan negara itu lebih berdaya saing di peringkat sejagat.

Skim itu menawarkan visa kepada mereka yang menamatkan ijazah dari universiti terkemuka di luar UK dalam tempoh lima tahun yang lalu.

NUS dan NTU muncul dalam senarai Pejabat Dalam Negeri British, yang turut merangkumi Harvard, Stanford, dan Institut Teknologi Massachusetts di Amerika Syarikat, Universiti Toronto Canada, Universiti Peking dan Universiti Tsinghua di China, dan Universiti Tokyo di Jepun.

Pelajar antarabangsa di universiti-universiti British tidak termasuk dalam skim itu, kerana mereka berada di bawah skim visa siswazah UK, yang membolehkan mereka yang telah menamatkan ijazah di UK untuk tinggal sekurang-kurangnya dua tahun selepas tamat pengajian.

Dalam ranking dunia 'Times Higher Education' terkini, NUS berada di tempat ke-21, manakala NTU di tempat ke-46.

Selain memiliki sarjana muda, sarjana atau Doktor Falsafah (PhD) dari salah satu universiti dalam senarai tersebut, pemohon juga perlu memenuhi keperluan bahasa Inggeris dan mempunyai sekurang-kurangnya £1,270 (\$2,200) tersedia secara tunai.

Pemohon tidak perlu mempunyai tawaran kerja untuk layak mendapatkan visa HPI.

Selepas tiba di UK, pemegang visa dengan ijazah sarjana muda atau sarjana akan diberikan tempoh selama dua tahun untuk mencari pekerjaan, manakala mereka yang mempunyai PhD akan diberi tempoh tiga tahun untuk mencari pekerjaan.

Pemegang visa boleh mencari pekerjaan dalam mana-mana industri.

Encik David Leong, yang mengetuai firma pengambilan pekerja, PeopleWorldwide Consulting, berpendapat bahawa siswazah setempat mungkin akan mendapati skim visa itu menarik.

"Adalah baik untuk golongan muda keluar mencari pendedahan serta pengalaman di luar sana dalam ekonomi dunia yang rancak.

"Dalam beberapa industri seperti kewangan, terdapat banyak peluang menarik di London."

Beliau berkata firma British akan berminat untuk mendapatkan siswazah setempat kerana mereka terlatih dan mempunyai etika kerja yang baik.

Mereka juga mempunyai kemahiran, seperti kebolehan berbahasa Mandarin dan bahasa Asia lain, yang akan memberi kelebihan kepada mereka, tambahnya.

Presiden NUS, Profesor Tan Eng Chye, berkata beliau berbesar hati kerana siswazah NUS layak mendapat visa baru dan menyifatkan ia sebagai pengesahan kukuh terhadap daya saing siswazah NUS di peringkat sejagat.

Beliau menambah: "Kami akan terus memperjuangkan pengajaran dan pembelajaran antara disiplin untuk memupuk siswazah berkemahiran tinggi, boleh menyesuaikan diri dan berdaya tahan yang boleh memberi sumbangan positif sebagai warga global masa depan."